



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN PROGRAM HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA (PHEKS) TAHUN 2024 PERINGKAT ZON UTARA

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) selaku Jabatan yang bertanggungjawab mengawal selia kesatuan sekerja yang berdaftar telah ditugaskan untuk menyelaraskan pelaksanaan inisiatif dan pengagihan peruntukan kewangan kepada kesatuan sekerja di Malaysia bagi menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan kesatuan sekerja.
2. Pada tahun ini KESUMA melalui JHEKS juga telah memperuntukkan RM3.2 juta khusus untuk kesatuan sekerja di Malaysia bagi menyokong dan memantapkan pergerakan kesatuan sekerja melalui bantuan kewangan serta mewujudkan platform pendidikan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan anggota kesatuan melalui pembelajaran secara berterusan. Ini bagi mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang matang dan progresif di Malaysia setara dengan kesatuan sekerja di peringkat antarabangsa dengan menerapkan konsep Malaysia Madani.
3. Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) merupakan satu bentuk bantuan kewangan yang dibayar secara *one-off* kepada kesatuan sekerja yang berdaftar di Malaysia. Sebanyak enam (6) kluster telah ditawarkan kepada kesatuan sekerja pada tahun ini iaitu Latihan dan Program Pendidikan, Kajian Pergerakan Kesatuan Sekerja, Penulisan Ilmiah berkenaan Isu-Isu Perburuhan berkaitan Kesatuan Sekerja, Pembelian Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pembangunan Modul *E-Learning* Berbentuk Video Simulasi dan Pembelian Insurans Kelompok Kali Pertama Kepada Anggota Berhak.
4. PHEKS Tahun 2024 telah menerima sejumlah 1,206 permohonan daripada pelbagai kesatuan sekerja di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 369 permohonan bernilai RM3.2 juta telah diluluskan.

Sejumlah 78 permohonan bernilai RM718,248.00 yang diluluskan adalah untuk PHEKS Tahun 2024 Peringkat Zon Utara.

5. Majlis Penyerahan PHEKS Tahun 2024 Peringkat Zon Utara telah diadakan di Bertam Resort And Water Park Penang, Pulau Pinang dan peluncuran telah disempurnakan oleh YB Encik Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
22 JUN 2024